



**JABATAN PELAJARAN PERAK**  
**JALAN TUN ABDUL RAZAK**  
**30640 IPOH,**  
**PERAK DARUL RIDZUAN.**



Telefon : 05-501 5000 Faks : 05-527 7273 Portal : [www.pelajaranperak.gov.my](http://www.pelajaranperak.gov.my)

**“ 1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN ”**

Ruj. Kami : J.Pel.Pk.(PKhas)5012/23Jld.11( 11 )

Tarikh : 10 September 2013

**Pengetua / Guru Besar**  
**Program Pendidikan Khas Integrasi**  
**Seluruh Negeri Perak**

Tuan,

**ISU KESELAMATAN MURID PENDIDIKAN KHAS**

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Perak telah menerima banyak aduan yang berkaitan dengan keselamatan murid pendidikan khas semasa berada di sekolah. Antara aduan yang sering diterima adalah berkaitan dengan isu salah laku murid ketika di tandas.

3. Sehubungan itu, kerjasama daripada pihak tuan adalah dipohon untuk mengambil langkah-langkah pencegahan dan keselamatan seperti di **Lampiran A** bagi memastikan perkara berkenaan tidak berlaku di sekolah tuan.

4. Kerjasama daripada pihak tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menurut perintah,

**( AZNAN BIN HJ. ALIAS )**

Ketua Sektor Pendidikan Swasta dan Pendidikan Khas

Jabatan Pendidikan Perak

b.p. Pengarah Pendidikan Perak

s.k Pengarah Pendidikan Perak

**CADANGAN LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN / PENCEGAHAN**

1. Pembantu Pengurusan Murid perlu mengawasi pergerakan murid yang tiba pada awal pagi dan yang pulang lewat selepas sesi persekolahan.
2. Setiap murid yang ingin ke tandas perlu diiringi oleh Pembantu Pengurusan Murid.
3. Pembantu Pengurusan Murid perlu membuat catatan nama murid yang diiringi ke tandas.
4. Setiap murid yang ingin ke tandas perlu diberikan tag kebenaran.
5. Hanya seorang murid sahaja yang boleh dibenarkan untuk ke tandas pada satu masa.
6. Guru yang sedang mengajar perlu mengawasi masa apabila murid ke tandas.
7. Galakkan murid untuk terus ke tandas selepas waktu rehat dengan pengawasan Pembantu Pengurusan Murid.
8. Pembantu Pengurusan Murid perlu mengawasi murid daripada keluar kelas ketika pertukaran guru antara matapelajaran.
9. Guru dan Pembantu Pengurusan Murid mesti ada bersama murid pada waktu rehat.
10. Semua murid perlu dikumpulkan / makan bersama pada waktu rehat.
11. Kurangkan aktiviti yang melibatkan percampuran murid berlainan jantina.